

**Firma Penyelidik Unjur Prestasi Separuh Kedua Sime Darby Lebih Kukuh Bernama**  
**3 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Firma-firma penyelidik mengunjurkan prestasi separuh kedua yang lebih baik untuk Sime Darby Bhd walaupun keputusan separuh pertamanya lemah ekoran pengeluaran tandan buah segar (FFB) yang rendah.

Perniagaan syarikat itu meliputi bahagian perindustrian, pemotoran, hartanah tenaga dan utiliti, dengan bahagian perladangan menyumbang pendapatan terbesar.

Kenanga Research menjangkakan bahagian perladangan Sime Darby mencatat prestasi yang lebih baik pada separuh kedua dengan harga minyak sawit mentah (MSM) melepasi RM2,700 setan metrik.

"Walaupun keputusan separuh pertama rendah, kami mendapati pendapatan sebelum faedah dan cukai bahagian perladangan sudah meningkat sekali ganda kepada RM514 juta suku ke suku hasil peningkatan harga MSM.

"Kami yakin pelabur akan melihat lebih kepada kedudukannya untuk mencatat keputusan suku kedua yang lebih baik," kata firma penyelidikan itu dalam notanya Isnin.

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Dis 2013, keuntungan bersih teras Sime Darby berjumlah RM1.32 bilion yang merupakan hanya 40 peratus unjuran setahun penuh sebanyak RM3.32 bilion, berikutan pengeluaran FFB yang rendah, susut 14 peratus tahun ke tahun kepada 5.04 juta tan metrik.

Kenanga Research mengekalkan penarafan 'berprestasi tinggi' ke atas syarikat itu pada harga sasaran yang lebih rendah kepada RM10 berbanding RM10.30 sebelumnya.

Dalam nota berasingan, Maybank Investment Bank (IB) Research berkata Sime Darby dijangka mencatat keputusan separuh kedua berakhir 30 Jun 2014 yang lebih kukuh, dipacu oleh bahagian perladangan, hartanah dan industri.

"Pendapatan perladangan akan memperoleh rangsangan daripada harga jualan MSM yang puratanya tinggi yang dijangkakan bertahan dalam tempoh terdekat manakala bahagian hartanah dan perindustrian secara tradisinya merekodkan prestasi terbaik pada suku akhir.

"Kami yakin Sime Darby akan terus mencatat keputusan puncaknya pada suku keempat tahun ini," kata firma penyelidikan itu.

Maybank IB Research meningkatkan penarafan keatas syarikat itu kepada 'beli' daripada 'simpan pada harga sasaran 11 peratus lebih tinggi kepada RM10.20.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018743>